



## Exco Pemuda diminta bantu jayakan DEB

SUNGAI SIPUT, Ahad — Para peserta khemah kerja politik Pergerakan Pemuda Umno Malaysia di Kampung Pulau Mentimun dekat sini, menggesa Exco pergerakan itu mengambil langkah-langkah yang tegas membantu usaha-usaha kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) secara lebih berkesan.

Ketua Pemuda Umno bahagian Hillir Perak, Encik Tajuddin Abdul Rahman, dalam satu majlis dialog semalam, meminta Exco Pemuda Umno menentohi parti-parti anggota Barisan Nasional (BN) yang lain untuk memajukan ekonomi ahli-ahli parti dan orang-orang Melayu seluruhnya.

Katanya, ramai kalangan pemimpin muda sekarang mempunyai pengetahuan, kuasa dan ilmu, dan boleh diberikan tugas untuk mewujudkan

kan badan-badan ekonomi untuk membela nasib golongan rakyat miskin, khasnya ahli-ahli parti di kampung-kampung.

Para pemimpin muda, ujarnya, mestilah berusaha ber-sungguh-sungguh untuk mengerakkan tenaga mereka di bidang ekonomi dengan penuh ketelusan supaya tindakan mereka akan menjamin kejayaan DEB mingikut tempoh yang ditentukan.

### Gempur

Wakil Pasir Mas, Kelantan, Encik Ibrahim Ali pula, meminta Pemuda Umno 'bersikap tegas mengenai isu penyelesaian EMF dan menggesa kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Diraja supaya kes BMF ini dapat diselesaikan segera.

Beliau mengingatkan, jika kes ini tidak dapat diselesai-

kan ia dikhuatiri akan menimbulkan keraguan di kalangan rakyat terhadap kejujuran kerajaan yang boleh menjejaskan imej kepimpinan negara masa akan datang.

Dengan lantang, Encik Ibrahim mengajak ahli-ahli Pemuda Umno supaya menyusun barisan menggempur untuk menentang parti pembangkang Pas dan DAP.

Beliau menegaskan, kedua-dua parti ini sangat lantang sekarang dan bergerak ke arah menghan-curkan perpaduan rakyat yang telah dipupuk oleh pemimpin-pemimpin negara di masa lalu.

Menurutnya, Pas kini telah membawa semangat Revolusi Islam di Iran undi diserapkan kepada masyarakat Islam di negara ini hingga perpaduan yang wujud menghadapi cabaran.

Encik Abdullah Zainawi Haji Yusof dari bahagian Tanjung, Pulau Pinang meminta kerajaan supaya menentohi cara Indonesia mengendalikan pembangunan ekonomi rakyatnya.

Menurut beliau, pemimpin-pemimpin Indonesia telah menanamkan semangat berkorban dan tahan lasak bagi membangunkan rakyat dan desa dengan penuh semangat yang berkobar-kobar dalam bidang ekonomi.

Mengenai pertadbiran Umno, beliau mengesyorkan supaya diadakan undi sulit dalam mesyuarat agung dan cawangan bagi mengelakkan berlakunya perpecahan di kalangan ahli-ahli parti.

Encik Abdullah juga supaya perlembagaan Umno dipinda kepada memperjuangkan sebuah negara Islam yang bukan berbentuk pemerintahan Republik Islam.

### Islam

Menurutnya, dengan perubahan dasar itu, negara dan rakyat akan terselamat dari ancaman musuh luar dan dalam negeri.

Wakil dari bahagian Tanjung Karang, Encik Ismail Haji Ahmad meminta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil tindakan tegas terhadap pegawai-pegawai mereka kerana kebanyakannya tidak memahami fungsi kebudayaan yang sebenarnya.

Beliau memberi contoh ada pegawai lebih mementingkan pertandingan wau atau gasing dari berusaha untuk memberi kefahaman tentang kebudayaan bangsa.